

MEMORANDUM



Universiti
Tenaga
Nasional

Rujukan Kami : UNITEN/QAC/1/14/1 P2 (9)

Tarikh : 18 Februari 2019

Kepada : Dekan-Dekan Kolej
Universiti Tenaga Nasional

Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof /Prof Madya/ Dr/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PROSES PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PEMBATALAN PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI TENAGA NASIONAL

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dimajukan Pekeliling Pusat Kemajuan Kualiti Bil 1 Tahun 2019 berkaitan dengan Proses Penjumudan, Pembekuan, Pelupusan dan Pembatalan Program Akademik untuk rujukan dan tindakan semua.

3. Sehubungan itu, Dekan Kolej adalah bertanggungjawab untuk memastikan kolej dapat mematuhi pekeliling ini dalam memantau semua program akademik di peringkat kolej. Pekeliling ini juga boleh di dapati di intrauniten seperti di bawah :

Department > Quality Advancement Centre>Shared Document>Circular and Procedure.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pusat Kemajuan Kualiti untuk maklumat lanjut.

Sekian. Terima kasih.

Creative, Innovative & Energetic

"UNITEN MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"

Prof. Dr. Hanim Bt Salleh
Pengarah
Pusat Kemajuan Kualiti
Universiti Tenaga Nasional

s.k : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar, Alumni & Pengurusan)
Timbalan Naib Canselor (Kampus Sultan Haji Ahmad Shah)
Ketua Pegawai Pembangunan Bisnes
Pendaftar



Rujukan : UNITEN/QAC/1/14/1 P2 (10)

Tarikh : 15 Februari 2019

Kepada : Dekan-Dekan Kolej
Universiti Tenaga Nasional

PEKELILING PUSAT KEMAJUAN KUALITI BIL 1 TAHUN 2019

PROSES PENJUMUDAN, PEMBEKUAN, PELUPUSAN DAN PEMBATALAN PROGRAM AKADEMIK DI UNITEN

- Pengenalan** : Pusat Kemajuan Kualiti (QAC) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah diamanahkan untuk mewujudkan dan menyelaraskan proses penjumudan, pembekuan, pelupusan dan pembatalan program akademik di Universiti Tenaga Nasional.
2. Mesyuarat Senat UNITEN pada 08 Ogos 2018 telah meluluskan proses-proses yang berkaitan dengan penjumudan, pembekuan, pelupusan dan pembatalan program akademik untuk digunakan di UNITEN selaras dengan Universiti yang berstatus swaakreditasi.
 3. Program akademik sedia ada yang tidak lagi relevan kepada negara dan industri, tidak berdaya maju serta tidak lagi mendapat sambutan perlu dijumudan, dibekukan dan seterusnya dilupuskan.
- Tujuan** :
4. Pekeliling ini diwujudkan adalah untuk memaklumkan garis panduan bagi semua kolej bagi menjumudan, membekukan atau membatalkan program yang tidak lagi relevan seperti yang dinyatakan di perangan ke 3 seperti di atas.
 5. Jumud, beku, lupus dan penawaran semula program adalah mekanisme yang boleh diamalkan oleh universiti bagi memastikan program akademik sedia ada kekal relevan dan mampu berdaya saing dan seterusnya dapat mengekalkan kelestarian program dalam tempoh yang lama untuk melahirkan graduan yang seimbang dan holistik.
 6. QAC telah membangunkan proses serta dokumen bagi menerangkan secara keseluruhan proses pelaksanaan penjumudan, pembekuan, pelupusan dan pembatalan program akademik di UNITEN.

7. Proses-proses ini dibangunkan dengan merujuk kepada :-
- a. Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009-2017 (Edisi Kedua)
 - b. Senarai Edaran JPT(A)1000/013/013/02 Jld.22(2) bertarikh 13 Januari 2017.
 - c. Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua, 2018

8. Program akademik yang telah diklasifikasikan sebagai jumud, beku atau lupus hendaklah mendapat kelulusan daripada Senat Universiti dan seterusnya dimaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) oleh Pejabat Pendaftar.

Definisi Jumud, Beku, Lupus dan Penawaran Semula Program

9. **Jumud** bermaksud status program pengajian yang tidak menerima pengambilan kohort pelajar baharu tetapi masih mempunyai kohort yang sedang dalam pengajian. Tempoh penjumudan bermula apabila tiada pengambilan baharu untuk program itu dan tamat apabila kohort terakhir tamat pengajian. Setelah masa penjumudan tamat, program pengajian tersebut boleh dibekukan selama maksimum dua (2) tahun atau dilupuskan terus.

10. **Beku** bermaksud status program pengajian yang tidak ditawarkan untuk sesuatu tempoh tertentu selepas tamat tempoh penjumudannya. Tempoh pembekuan terpakai secara automatik yang dikira selepas tiada penawaran pada sesi kohort terakhir. Tempoh maksimum pembekuan ialah dua (2) tahun. Selepas tempoh tersebut, program berkenaan boleh dibuka semula untuk penawaran atau dilupuskan terus. Walau bagaimanapun, selepas dua (2) tahun, sekiranya program tersebut masih mempunyai pelajar tercicir, tempoh pembekuannya boleh dilanjutkan sehingga pelajar tersebut menamatkan pengajiannya.

11. **Lupus** bermaksud status program pengajian yang tidak akan ditawarkan lagi dan akan dimansuhkan terus daripada senarai program yang diluluskan oleh JPT. Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) akan merekodkan tarikh tamat penawaran program dan sijil akreditasi program akan dipulangkan kepada MQA

12. Kolej yang tidak mengemukakan dokumen *Self Review Report* (SRR) bagi suatu program akademik bagi tujuan Audit Pematuhan maka kesalahan ini dikategorikan sebagai **tidak mematuhi MQF**, justeru

prosedur **pembatalan** akreditasi akan dilaksanakan.

13. **Penawaran Semula Program** merujuk kepada program akademik yang masih dalam fasa penjumudan atau fasa pembekuan yang akan dibuka semula untuk penawaran. Semua program akademik yang hendak ditawarkan semula perlulah disemak semula kurikulumnya. Rujuk **Lampiran 1** sebagai ilustrasi.

14. Universiti tidak dibenarkan untuk mengadakan kolaborasi baharu atau memeterai perjanjian kerjasama baharu dengan mana-mana pihak bagi program akademik yang sedang di dalam fasa penjumudan atau fasa pembekuan.

**Kriteria Jumud,
Beku dan Lupus**

15. Jadual 1.1 adalah kriteria yang boleh dijadikan panduan kepada kolej untuk mengenalpasti mekanisme bagi jumud, beku dan lupus program akademik.

Jadual 1.1 : Kriteria untuk Jumud, Beku dan Lupus Program Akademik

Bil	Kriteria	Penerangan
1.	Program pengajian yang mempunyai bidang pengkhususan	Program akademik yang mempunyai bidang pengkhususan boleh diberi keutamaan untuk dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan.
2.	Populariti program pengajian	Pengesanan program akademik kurang popular dalam kalangan pemohon dan industri. Universiti perlu mengenal pasti sebab-sebab program akademik kurang popular. Program tersebut boleh dijumud atau dibekukan sementara tindakan penambahbaikan diambil.
3.	Nisbah penawaran berbanding permohonan (NPP) dan peratus pra jaya	Nisbah jumlah penawaran berbanding bilangan permohonan (NPP). Trend NPP dan peratus pra jaya yang rendah boleh dijadikan asas sama ada program akademik perlu ditawarkan pada sesi yang seterusnya.
4.	Bilangan Pengambilan Pelajar	Bilangan pengambilan yang rendah berbanding unjuran atau kapasiti sebenar program yang dikira berdasarkan nisbah pensyarah-pelajar dan keperluan sumber pembelajaran.
5.	Peratus kebolehpasaran graduan (GE)	Peratus GE menunjukkan tahap kualiti graduan yang dihasilkan. Peratus GE yang rendah menjadi asas untuk menentukan

		sama ada program akademik perlu diteruskan, ditambah baik, dijumlahkan, beku atau lupus.
6.	Gaji Permulaan Pertama (GPP)	GPP mempengaruhi minat pemohon untuk memohon atau menerima tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang tersebut. GPP boleh dijadikan asas kepada penawaran program akademik.
7.	Unjuran Guna Tenaga Negara	Unjuran jangkaan pekerjaan yang diperlukan oleh negara. Antara agensi yang melakukan kajian unjuran keperluan guna tenaga ialah JPA, BPKP, MDEC, Talentcorp, ILMIA dan lain-lain.
8.	Keperluan Semakan Kurikulum major/menyeluruh	Merujuk kepada program pengajian yang tidak terkini dan memerlukan semakan major. Jika program tersebut tidak wajar diteruskan, maka ia boleh dilupuskan dengan menggantikan program yang lebih relevan, berdaya saing dan memenuhi keperluan semasa industri.
9.	Keupayaan Universiti	Kriteria ini merujuk kepada kemampuan Universiti dalam aspek sumber manusia, infrastruktur, kewangan dan sebagainya yang boleh mengganggu kelestarian program akademik. Faktor ini boleh menjadi asas untuk membuat keputusan sama ada program akademik tersebut hendak diteruskan atau tidak.

**Proses
Penjumudan,
Pembekuan,
Pelupusan Serta
Pembatalan
Program
Akademik**

16. Carta alir proses yang lengkap adalah seperti berikut :-
- a. Proses Penjumudan dan Pembekuan Program Akademik (Lampiran 2)
 - b. Proses Pelupusan Program Akademik (Lampiran 3)
 - c. Proses Pembatalan Program Akademik (Lampiran 4)

**Peranan &
Tanggungjawab**

17. Semua Dekan adalah bertanggungjawab untuk :-
- Mengedarkan pekeliling ini kepada anggota kerja yang terlibat
 - Memantau semua program akademik di kolej bagi menentukan status program tersebut.
 - Merujuk kepada Pengarah, Pusat Kemaajuan Kualiti sekiranya timbul sebarang pertanyaan lanjut.
 - Memastikan pekeliling ini dipatuhi.

Tarikh : 18. Pekeliling ini berkuat kuasa bermula dari tarikh ia diluluskan
Kuatkuasa seperti yang dinyatakan di atas.

Creative, Innovative & Energetic
“UNITEN MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH”

Sekian.



Dato' Prof. Ir. Dr. Kamal Nasahruddin Bin Mustapha


Naib Canselor

Universiti Tenaga Nasional 

- s.k : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar, Alumni & Pengurusan)
: Timbalan Naib Canselor (Kampus Sultan Haji Ahmad Shah)
: Ketua Pegawai Pembangunan Bisnes
: Pendaftar

LAMPIRAN 1

Proses Penjumudan, Pembekuan dan Pelupusan Program




DEFINISI

<p>JUMUD</p>  <p>Proses sebelum program dibekukan atau dilupuskan. Program tidak akan ditawarkan kepada pelajar baru.</p>	<p>BEKU</p>  <p>Program tidak akan ditawarkan (Maksimum 2 tahun)</p>	<p>LUPUS</p>  <p>Program Akademik dimansuhkan</p>
---	--	---


LAMPIRAN 2

PROSES PENJUMUDAN DAN PEMBEKUAN PROGRAM AKADEMIK




LAMPIRAN 3

PROSES PELUPUSAN PROGRAM AKADEMIK



LAMPIRAN 4

PROSES PEMBATALAN PROGRAM AKADEMIK



JPU	: Jemaah Pengurusan UNITEN
JPT	: Jabatan Pendidikan Tinggi
MQA	: Malaysian Qualifications Agency
MQR	: Malaysian Qualifications Register